

EKSPLO REKACIPTA DAN PAMERAN PENYELIDIKAN UniMAP 2009

Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan 2009 telah diadakan pada 7 Januari 2010 bertempat di Dewan Warisan Kangar, Perlis. Ekspo kali ini merupakan kali kedua dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Perlis. Hasrat utama penganjur acara tahunan ini adalah sebagai platform kepada UniMAP Bagi memilih produk-produk penyelidikan yang berkualiti untuk dipertandingkan di pameran rekacipta di sepanjang tahun 2010. Selain itu, ia juga sebagai medium untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di kalangan warga UniMAP dan pelajar sekolah menengah khususnya di negeri Perlis.



Berbanding tahun lalu, ekspo tahun ini adalah lebih besar dan meriah dengan peningkatan jumlah penyertaan dari para penyelidik UniMAP dan penyertaan pelajar-pelajar dari beberapa buah sekolah menengah di negeri Perlis. Jika tahun lalu hanya 112 produk penyelidikan yang mengambil bahagian, namun tahun ini jumlah itu telah meningkat kepada 170 dengan 163 darinya oleh para penyelidik UniMAP dan tujuh lagi oleh pelajar sekolah menengah. Pertandingan kali ini telah dibahagikan kepada dua iaitu kategori UniMAP dan Kategori Sekolah Menengah. Sekolah yang telah menghantar penyertaan adalah Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra, Sek. Men. Keb. Putra dan Sek. Men. Keb. Tengku Sulaiman.

Para peserta dinilai oleh juri yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Acara perasmian disempurnakan oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Profesor Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Sejurus itu, sesi menandatangani memorandum persetujuan di antara UniMAP dengan Syarikat Maxlane Sdn. Bhd. telah diadakan. Bagi pihak UniMAP, diwakili sendiri oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor, manakala Tn. Hj. Mohd. Yatim Hj. Yunus, Pengurus Teknikal telah mewakili Syarikat Maxlane Sdn. Bhd. Acara bersejarah juga menandakan permulaan era baru bagi UniMAP khususnya dari sudut pengkormesialan di mana syarikat tersebut telah bersetuju untuk memasarkan dua produk sulung UniMAP iaitu 'Bulk & Boost Converter Teaching Module' dan 'Single Phase Inverter Training Kit' yang telah dihasilkan oleh En. Baharudin Ismail, En. Zainuddin Mat Isa, En. Mohammad Faridun Naim Tajuddin, dan En. Mohd Fayzul Mohamad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik ke pasaran luar. Sebanyak 28 produk penyelidikan iaitu sekitar 17% dari penyertaan bagi kategori UniMAP telah berjaya memperolehi pingat emas. Manakala sebanyak 43 pingat perak atau 26% dan 40 pingat gangsa atau 25% pula telah berjaya dimenangi oleh para penyelidik UniMAP. Kesemua para pemenang menerima pingat dan sijil penghargaan.

Bagi kategori sekolah menengah pula, sebanyak dua pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa telah berjaya dimenangi oleh para pelajar sekolah. Pemenang turut menerima pingat dan sijil penghargaan. Selain itu, pihak penganjur juga telah menyediakan hadiah istimewa berupa wang tunai kepada tiga produk terbaik bagi kategori sekolah menengah iaitu masing-masing RM 500.00, RM 300.00 dan RM 200.00 bagi tempat pertama, kedua dan ketiga terbaik.

Ucapan tahniah dan syabas kepada para pemenang dan semoga dengan kejayaan ini akan menaikkan lagi semangat dan motivasi para penyelidik sama ada dari UniMAP ataupun pelajar sekolah untuk menghasilkan lagi produk-produk penyelidikan yang lebih bermutu di masa-masa yang akan datang.